



LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans IsiRumah

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans IsiRumah. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi kandungan isi rumah dan barangan peribadi di dalam rumah anda terhadap kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah, letupan, banjir, atau oleh mana-mana peril yang dinyatakan dalam polisi insurans.

2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Polisi ini melindungi:

- Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh peril berikut.
 - Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah dan/atau letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik.
 - Pesawat atau peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya, hentaman oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau di bawah kawalan anda atau ahli keluarga anda, pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah, kecurian disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar, hurikan, siklon, taufan, ribut angin, gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir, rompokan dan tahanan di dalam premis harta benda anda.
- Kerugian sewa (had kepada 10% daripada jumlah keseluruhan jumlah diinsuranskan ke atas kandungan isi rumah).
- Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kemalangan yang berlaku di rumah anda sehingga RM50,000.
- Harta yang dipindahkan sementara - 15% daripada keseluruhan Jumlah Diinsuranskan ke atas kandungan isi rumah.
- Kerosakan kepada cermin kaca – RM500 sekeping setiap kemalangan.
- Pampasan untuk kematian anda (Pihak Diinsuranskan) yang terjadi akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran.
- Harta orang gaji.

Anda boleh meluaskan perlindungan kepada risiko-risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Penenggelaman dan gelinciran tanah.
- Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat.
- Liabiliti kepada pihak ketiga bagi kemalangan yang berlaku di rumah anda.
 - RM10 untuk tambahan had sehingga RM100,000
 - RM20 untuk tambahan had sehingga RM250,000
- Tiada berpenghuni melebihi tempoh 90 hari.
- Kecurian Penuh.
 - Tidak termasuk kecurian yang dilakukan oleh pembantu rumah atau mana-mana ahli keluarga anda (Pihak Diinsuranskan) (lebih RM250.00 atau 1% daripada jumlah insurans keseluruhan ke atas kandungan isi rumah yang mana lebih rendah).
 - Termasuk kecurian yang dilakukan oleh pembantu rumah (lebih RM250.00 atau 1% daripada jumlah insurans keseluruhan ke atas kandungan isi rumah yang mana lebih rendah)
- Penambahan had untuk sewa.

Tempoh perlindungan lazimnya adalah selama setahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada syarat-syarat pengunderaitan syarikat insurans:

- Premium tahunan bagi perlindungan asas untuk rumah berkembar yang dibina daripada dinding bata dan beratap genting bagi jumlah diinsuranskan sebanyak RM50,000 ialah RM210.94.
- Premium tahunan bagi perlindungan tambahan Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat ialah RM5.30 (0.01% daripada RM50,000).
- Jumlah premium tahunan yang anda perlu bayar adalah RM226.24 (RM216.24 + RM10 duti setem).

Note: Premium yang dinyatakan adalah termasuk 6% Cukai Perkhidmatan dari 1 September 2018.

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan membuat Pendedahan - MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadikan kewajipan pengguna untuk mengambil penajagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

- (ii) Purata - jika nilai pasaran harta yang diinsuranskan secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam jadual, maka anda hendaklah bertanggung jawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang diinsuranskan.
- (iii) Insurans lain - jika terdapat sebarang polisi lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, kami hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.
- (iv) Nilai pasaran - kami akan mengganti rugi anda nilai yang diinsuranskan atau nilai pasaran bagi harta yang diinsuranskan yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang lebihan. Nilai pasaran bermaksud nilai ke atas harta yang diinsuranskan pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan / atau susutnilai.
- (v) Lebihan - amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda, adalah dikenakan untuk peril tertentu seperti tuntutan terhadap tangki air domestik melimpah (RM50), ribut angin, gempa bumi dan banjir (1% daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan ke atas bangunan atau RM200 yang mana lebih rendah).
- (vi) Asas nilai pengembalian semula - kami akan membayar kos pembaikan/pembaikpulih harta yang rosak tanpa sebarang potongan dibuat ke atas susut nilai dan/atau haus dan lusuh tetapi tertakluk kepada lebihan dan/atau pembaikan. Syarat purata akan diguna pakai sekiranya nilai diinsuranskan kurang daripada nilai pasaran.
- (vii) Waranti premium – insurans premium mestilah dibayar dan diterima oleh AmGeneral/ejen yang sah dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka polisi ini secara automatik adalah terbatal dan Syarikat adalah berhak kepada premium pro-rata sepanjang tempoh mereka menanggung risiko.
- (viii) Waranti Larangan Barang Niaga – bangunan yang diinsuranskan tidak boleh digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang niaga semasa polisi berkuat kuasa.
- (ix) Anda mestilah mengisytiharkan kepada AmGeneral bagi mendapatkan kelulusan sekiranya barangan yang ingin diinsuranskan melebihi 5% daripada jumlah insurans keseluruhan ke atas kandungan isi rumah. Had bagi barang kemas adalah 1/3 daripada jumlah insurans keseluruhan ke atas kandungan isi rumah.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Kerugian atau kerosakan kepada bangunan;
- Kerugian atau kerosakan disebabkan penanggalan dan gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat dan kecurian yang tidak disertai dengan kekerasan yang nyata dan keganasan pecah masuk dan keluar dari bangunan; dan
- Peperangan, keganasan, perang saudara dan pencemaran radioaktif.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek bagi tempoh insurans yang belum luput tertakluk kepada premium minima yang dikenakan oleh pihak kami. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

Kadar Jangka Pendek

Tempoh tidak melebihi	Peratusan (%) bayaran balik
15 hari	90
1 bulan	80
2 bulan	70
3 bulan	60
4 bulan	50
5 bulan	40
6 bulan	30
7 bulan	25
8 bulan	20
9 bulan	15
10 bulan	10
11 bulan	5
12 bulan	0

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
 No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
 Talian Bebas : 1-300-80-3030
 E-mel : customer@amassurance.com.my
 Laman Web : www.amassurance.com.my

10. Lain-lain perlindungan sejenis yang ada.

Insurans 'Householder Plus'

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 September 2018.